

Differences Between Mural Art and Graffiti

Perbezaan Seni Mural Dan Graffiti

Wan Nurhasyimah Bt. W. Mohd Apandi¹

¹Jabatan Seni Halus, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi Mara Perak Branch, Seri Iskandar Campus, 32610 Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA
Author email: wannu829@uitm.edu.my¹

Published: 1 April 2018

ABSTRACT

Mural art and graffiti art are two forms of visual art that are growing in popularity as a medium and method for visual artists to convey ideas and self-expression through the use of specific materials such as oil paint, acrylic, and spray paint on environmental walls. As a result, this study will go into deeper detail about the distinctions between mural art and graffiti art. Mural art and graffiti art, on the other hand, are significant in society since they are utilized to beautify the surrounding region while also imparting knowledge about a particular subject through the material, images, and text produced by mural painters and graffiti artists.

Keyword: Mural Art, Visual Art, and Graffiti

ABSTRAK

Merujuk kepada perkembangan seni visual, dalam seni mural dan seni grafiti adalah semakin popular digunakan sebagai medium dan kaedah bagi menyampaikan idea dan ekspresi diri dengan menggunakan bahan seperti warna cat minyak, akrilik dan warna semburan di dinding persekitaran oleh artis visual. Oleh itu, kajian melalui penulisan ini dapat menjelaskan dengan lebih terperinci bagi perbezaan seni mural dan seni grafiti. Walaubagaimanapun, kepentingan seni mural dan seni grafiti sangat penting dalam masyarakat kerana selain daripada mencantikkan kawasan persekitaran, seni ini juga dapat memberi ilmu tentang sesuatu isu penceritaan dari segi penggunaan isi kandungan, imej dan tulisan yang ingin disampaikan oleh artis visual seni mural dan seni graffitti.

Kata Kunci: Seni Mural, Seni Visual, Graffiti

eISSN: 2550-214X © 2018. The Authors. Published for Ideology Journal of Arts and Social Science by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

SEJARAH SENI MURAL

Mural merupakan satu kaedah yang digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai yang mana mural dapat dijadikan satu komunikasi yang mempunyai tema yang tersendiri. Boleh dikatakan mural ini sudah bermula zaman batu lagi iaitu zaman paleolitik yang bermula kira - kira 50,000 hingga 100,000 tahun yang terdahulu. Pada era zaman batu ini, mural di lukis di dalam dinding - dinding gua yang memberi maksud yang tersendiri yang mana lukisan yang dilukis di dinding gua itu juga memberi maksud orang pada zaman batu itu percaya kepada kepercayaan aminisme yang bermaksud percaya kepada kuasa roh. Selain itu juga, lukisan dinding zaman batu ini juga boleh menunjukkan mereka ingin menyampaikan idea dan perasaan yang melibatkan komunikasi dengan cara imej - imej gambar yang dilukis atas dinding gua. Disamping itu juga, lukisan dinding zaman batu ini juga merupakan satu penceritaan manusia ketika itu yang mana mereka menjadikan lukisan dinding untuk menceritakan aktiviti harian mereka yang hidup dalam keadaan nomad di kawasan tersebut (Wahiza Abdul Wahid, 2012).

Merujuk penyelidikan Abu bakar Nordin (2007) daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris ada mengatakan terdapat pelbagai corak motif yang digunakan oleh orang purba dalam menghasilkan lukisan dinding gua di Malaysia sebagai komunikasi.

Terdapat gambar prasejarah iaitu pada zaman batu di dinding gua seperti di Altamira, Sepanyol dan Perancis. Imej yang digunakan pada ketika ini adalah sebagai komunikasi yang mana imej mereka adalah lebih bebentuk aktiviti harian, budaya dan kepercayaan seperti aksi berburu, cuaca serta budaya aminisme. Kebanyakan imej pada zaman ini menggunakan warna semulajadi dari alam.

Dipetik dari (Layton, 1992; Mulvaney and Kamminga, 1999; Adi Taha, 1990) melalui penulisan Abu Bakar Nordin didalam dinding gua terdapat motif purba yang digunakan sebagai bahasa komunikasi pada zaman tersebut. Pada ketika itu tulisan belum dikenal lagi dengan itu imej motif purba diguna bagi membolehkan komunikasi berlaku untuk menerangkan keadaan cara hidup, kebudayaan, kepercayaan, kefahtaman, identitida dan estetika kehidupan masyarakat purba zaman dahulu.

Setelah manusia dilihat telah berlaku zaman revolusi dan beralih kepada zaman yang lebih bertamadun dan cara pemikiran yang moden, seni mural dilihat mulai berkembang menjadi mural moden pada tahun 1920-an di Mexico yang diketengahkan oleh Diego Rivera, Jose Clemente Orozco, dan David Alfaro. Kemudian pada tahun 1930 terdapat seorang pengkarya George Bidle telah menyarankan kepada presiden Amerika Syarikat Roosevelt agar membuat program mural dengan menggunakan artis untuk mencipta seni mural dalam saiz yang besar. Pada tahun 1933, projek mural yang pertama bertajuk "*Public Work of Art Project*" yang telah ditaja oleh pemerintah negara di Amerika Syarikat dan berjaya menghasilkan 400 mural selama 7 bulan. Setelah itu, pada tahun 1935 pemerintah Amerika Syarikat telah membuat projek kedua yang bertajuk "*Federal Art Project*" dan "*Treasury Relief Art Project*" yang berjaya menghasilkan 2500 mural dengan menggunakan penganggur diwaktu krisis ekonomi. Pada tahun 1943 terdapat projek mural yang tidak dapat disiapkan baru yang bertajuk "*The Work Progress Administrations*" kerana perang dunia II.

KEPENTINGAN SENI MURAL

Seni mural merupakan satu media yang agak menjadi perhatian dan keutamaan orang ramai pada zaman kini bagi mengekspresi idea yang menggunakan susunan imej. Mural ini begitu hampir dengan masyarakat kerana mural menggunakan tembok atau dinding batu bagi menyampaikan maklumat atau menyalurkan aspirasi yang bertema yang lebih efektif untuk persekitaran dan tontonan orang ramai. Mural ini kebanyakannya adalah lebih berilmiah dan mempunyai maklumat yang ingin disampaikan oleh pengkarya. Mural ini merupakan satu altenatif yang terbaik bagi menyampaikan sebuah maksud samaada ia bersifat ilmiah atau komersial.

Perkataan mural itu sendiri berasal daripada perkataan "Murus" iaitu bahasa Latin yang mempunyai maksud dinding. Dalam maksud seni mural itu sendiri dalam era kontemporari ini mural adalah lukisan berskala besar yang dibuat pada dinding bangunan.

Setelah zaman semakin maju, mural pada era kontemporari ini dapat dilihat dengan lebih terserlah yang mana mural yang dibuat oleh masyarakat adalah lebih bersifat kontemporari dan komersial yang mengikut tema yang tersendiri yang boleh membawa identiti sesuatu tempat atau budaya. Ia dapat di lihat di universiti di seluruh dunia yang mana pentadbiran telah mengengahahkan lukisan mural ini di dinding kolej atau universiti yang menunjukkan identiti sebuah fakulti. Contohnya mural dapat dilihat di College of Fine Arts and Design, University of Sharjah di United Arab Emirates yang mana pentadbiran universiti telah menggunakan mural menunjukkan identiti budaya belajar mengikut subjek yang telah dibuka oleh Fakulti.



Figure 1: College of Fine Arts and Design, University of Sharjah di United Arab Emirates
(Sumber Imej: www.sharjah.ac.ae)

Mengikut universiti tersebut terdapat empat subjek utama yang ditawarkan untuk pelajar praktis seni halus kontemporari seperti seni catan, seni cetak, seni arca, instalasi, fotografi, grafik dan multimedia. Senibina reka dalaman dan seni fesyen. Oleh itu, pihak universiti tersebut menggunakan imej mural yang menunjukkan situasi pelajar mereka yang intelektual dalam bidang seni, kreatif dari segi pemikiran idea, mempunyai kebolehan yang mantap dari segi visual komunikasi, penulisan, ahli pemikir, rekaan yang interaktif serta dapat melahirkan pelajar golongan profesional yang inovatif.

Di Malaysia juga terdapat universiti yang mempraktikkan lukisan mural bagi menunjukkan imej jabatan di sebuah fakulti dengan imej mural yang tersendiri. Contoh mural yang terdapat di Malaysia adalah Universiti Teknologi Mara Cawangan Perak. Apa yang dapat dilihat, terdapat mural yang digunakan di kawasan persekitaran di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka di Jabatan Seni Halus Uitm Cawangan Perak ini, pihak pengurusan telah memilih imej yang bertema "*Master Great Astist*" sebagai tema utama. Fungsi tema ini dipilih adalah untuk membantu pelajar untuk mengenali artis rujukan yang penting dalam pembelajaran dan pengajaran dalam subjek seni halus. Dengan itu, Jabatan Seni halus, UiTM Cawangan perak telah mengambil inisiatif dalam mempraktikkan tema ini ke atas mural fakulti dengan memilih karya daripada artis terkenal di Malaysia dan Antarabangsa. Contoh karya artis terkenal yang terdapat pada mural fakulti tersebut adalah Ryedza pyadasa, Ibrahim Hussein, Latif Mohidin, Syed Ahmad Jamal, Andy Warhol, Vincent Van Gogh, Salvador Dali dan Pablo Picasso. Dengan itu mural ini secara tidak langsung dapat menerapkan sifat jati diri pelajar cintakan pada ilmu subjek yang di pelajari yang menengahkan pelajar kepada sifat kreativiti, kerjasama dan menerapkan ilmu terhadap subjek yang ditawarkan. Dengan itu Jabatan Seni Halus lebih dikenali serta membuatkan orang ramai percaya kepada pelajar Jabatan Seni Halus, UiTM Cawangan perak mempunyai daya ilmu yang kreatif dan membuatkan mereka lebih dikenali dengan mural yang dihasilkan sebagai imej di fakulti. Mural ini juga dapat mengetengahkan kepada pentadbiran universiti dan orang ramai kepada pentingnya pelajar Jabatan Seni Halus terhadap kehadiran mereka dan pentingnya sumbangan mereka kepada sesebuah organisasi fakulti.



Figure 2: Fakulti Seni Lukis & Seni Reka Uitm, Perak
(Sumber Imej : koleksi penyelidik,2017)

Apa yang dapat kita lihat sifat seni mural pada era zaman moden ini adalah lebih bersifat dinamik kerana kebanyakan seni mural kini lebih menggunakan cat minyak atau cat arkrilik yang jauh lebih tahan. Kebanyakan mural mereka menggunakan peralatan berus untuk menghasilkan imej dan lebih bercorak terkawal.

Setelah era zaman mural makin berkembang apabila terdapat peralihan gaya seni mural iaitu seni grafiti, Seni grafiti ini bermula pada tahun 1970 - 1990 oleh seorang pengkarya James Basquiat di Amerika Syarikat. Basquiat telah mula membuat grafiti di dinding - dinding kota raya dengan tulisan S.A.M.O. Setelah itu, ia telah mempengaruhi pengkarya lain untuk beraksi didinding kota. Antara pengkarya yang terpengaruh adalah Feith Flaring (*Sentoso, 2003*).

SENI GRAFITI

Graffiti adalah berasal dari perkaataan greek iaitu "*graphein*" yang bermaksud tulisan dan grafiti ini juga berasal dari perkataan "*graffito*" iaitu menulis. Grafiti juga merujuk kepada kaedah komunikasi dengan cara menggunakan tulisan yang diekspresi dia atas permukaan dinding (Clerk, M., 2003).

PERBEZAAN SENI MURAL DAN SENI GRAFITI

Terdapat perbezaan yang agak jelas yang boleh dilihat melaui mural dan grafiti yang mana mural adalah lebih bersifat menggunakan imej dan grafiti lebih menggunakan typo dalam karya seni. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi penggunaan medium pada mural iaitu pengkarya menggunakan cat minyak atau akrilik dan grafiti lebih menggunakan cat warna semburan. Grafiti memerlukan skil yang baik untuk mengawal warna semburan pada dinding kerana bagi mendapat garisan yang berkualiti. Secara tidak langsung grafiti adalah lebih bersifat teknikal dari segi teknik pengawalan warna cat semburan pada dinding. Mengikut pemerhatian hasil seni grafiti adalah bersifat lebih ekspresi terhadap sosial isu, politik, protes dan pemberontakan. Ini dapat dilihat apabila terdapat beberapa seni grafiti yang kelihatan di dinding, jalan raya, bawah jambatan. Walau bagaimanapun, dalam era kontemporari juga terdapat grafiti lebih bersifat kormesial kerana terdapat beberapa penajaan produk telah menggunakan grafiti ini sebagai satu loncatan dari sudut positif bagi menaikkan jenama tempatan seperti produk *Ali cafe*. Agenda aktiviti ini dapat dilihat dengan lebih jelas apabila pihak pengurusan *Ali cafe* telah membuat *roadtour* membuat grafiti di setiap universiti di seluruh Malaysia bagi mempromosi jenama mereka untuk lebih dikenali. Walaubagaimanapun, terdapat artis visual seperti Banksy telah menghasilkan grafiti yang lebih sensitif dan berilmu kerana mengutarakan isu sosial, ekonomi, politik di negara mereka kepada orang awam (Patrik P. dan Gary S., 2012).

Apabila merujuk Ines Janet Engelmann (2007) terdapat Perngkarya terkenal telah menggunakan mural sebagai satu kaedah untuk menghasilkan karya. Artis itu adalah Jackson Pollock dan isterinya Lee Krasner. Lee Krasner terlibat di dalam mural di *New York* stesyen radio, *Mural study for WNYS, studio A*, artis ini secara tidak langsung terlibat dengan *Federal Art Project*. Selain itu, Jackson Pollock juga ada mengenangkan seni mural beliau. Walaubagaimanapun terdapat perbezaan diantara mural Jackson Pollock dengan pengkarya lain kerana karya mural beliau adalah lebih abstrak ekspresionis. Jackson banyak menggunakan tenaga dalam menghasilkan karya beliau dan lebih berbentuk menggunakan percikan warna membentuk garisan yang kepelbagai. Didalam karya mural beliau banyak menggunakan warna biru, putih, dan kuning.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, seni mural dan seni grafiti terdapat kelebihan yang tersendiri walaupun kaedah dan cara proses kerja dari segi penggunaan imej, bahan, tulisan dan material adalah bebeza. Walaubagaimanapun, kaedah yang ingin disampaikan oleh visual artis tersebut tetap sama bagi menyampaikan ilmu, idea dan ekspresi bagi sensitiviti terhadap persekitaran dan isu semasa dengan cara visual seni mural dan seni grafiti ini. Patrik P. dan Gary S. ada menyatakan tentang seni ini adalah satu medium menyampaikan maklumat kepada orang ramai kerana seni adalah sebahagian hidup orang

ramai. Oleh itu, artis visual bagi seni mural dan seni grafiti mempunyai pilihan untuk memilih isi kandungan, konteks dan idea yang sesuai untuk dipamerkan didinding persekitaran bagi menyampaikan maklumat kepada orang ramai.

RUJUKAN

- Abu Bakar Nordin, 2007, Penyelidikan terpilih UPSI 2001-2006, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.*
- Clerk, M., 2003 The Concise Oxford Dictionary of Art Terms, New York, Oxford University Press.*
- Ines Janet Engelmann, 2007, Lee Krasner and Jackson Pollock, Prestel, Munich.Berlin.London.New York,*
- Patrik P. & Gary S, 2012, Banksy you are an acceptable Level of Threat, Seccond Edition, Carpet Bombing Culture.
- Wahiza Abdul Wahid, 2012, Sejarah Seni Lukis & Seni Reka - Satu Pengenalan, Perpustakaan Negara Malaysia, Malaysia

